

018 PENGESAHAN STATUS AGAMA DI MAHKAMAH SYARIAH: SATU SOROTAN

Zanariah Dimon, Zaini Yusnita Mat Jusoh

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.

ABSTRAK

Prinsip dalam kes Lina Joy di peringkat Mahkamah Persekutuan menyatakan bahawa kebebasan beragama itu merangkumi aspek teologi dan undang-undang. Ini bermakna hanya Mahkamah Syariah yang berbidang kuasa untuk mengisytiharkan status agama seseorang sama ada Islam atau tidak pada masa hidupnya atau selepas kematiannya. Peruntukan ini bertujuan mengekang gejala murtad dan memberi kuasa eksklusif kepada Mahkamah Syariah dalam memutuskan persoalan akidah. Walau bagaimanapun, prosedur atau kaedah selepas penerimaan permohonan status agama khususnya permohonan keluar Islam masih kurang jelas di peringkat negeri. Kertas kerja ini membuat perbandingan bidang kuasa antara negeri-negeri dan membincangkan amalan yang digunapakai dalam mengendalikan kes-kes pengesahan status agama di Mahkamah Syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis dokumen dengan membuat tinjauan khusus terhadap peruntukan undang-undang dan kes-kes permohonan status agama yang diputuskan di Mahkamah Syariah. Hasil kajian mendapati kesemua Mahkamah Syariah di peringkat negeri mempunyai bidang kuasa mengisytiharkan status agama seseorang tetapi tiada prosedur yang jelas dan seragam mengenai pengendalian kes-kes permohonan status agama dan keluar agama.

Kata kunci: mahkamah syariah, status agama, pengisytiharan status agama

PENDAHULUAN

Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dalam mengisytiharkan status agama seseorang sama ada pada masa hidupnya atau selepas kematiannya sekiranya berlaku sebab-sebab yang memerlukan pengesahan agama bagi tujuan status individu, perkahwinan atau kesan selepas kematian. Undang-undang negeri juga memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mendengar permohonan mana-mana individu muslim yang berhasrat keluar agama atau murtad sebagai langkah mengawal gejala murtad secara berleluasa. Walaupun begitu, prosedur atau kaedah selepas penerimaan permohonan status agama di Mahkamah Syariah masih tidak seragam

di peringkat negeri. Justeru itu, kertas kerja ini bertujuan membuat perbandingan bidang kuasa antara negeri-negeri, mengenal pasti alasan-alasan permohonan status agama dan membincangkan penyelesaian dan pendekatan yang digunakan oleh Mahkamah Syariah. Sorotan dibuat terhadap kes-kes yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah.

MENUKAR STATUS AGAMA DAN IMPLIKASINYA MENURUT UNDANG-UNDANG

Mahkamah Syariah ditubuhkan berdasarkan Jadual Kesembilan Senarai Dua Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan berbidang kuasa di dalam negeri masing-masing dan terpakai kepada orang yang menganut agama Islam sahaja. Ini bermakna Mahkamah Syariah yang ditubuhkan di setiap negeri boleh memulakan prosiding dan mengenakan hukuman hanya dalam batasan negeri masing-masing serta terpakai kepada orang yang beragama Islam di negerinya sahaja (Mahmood Zuhdi A. Majid, 2001). Kuasa tertinggi di Malaysia adalah Perlembagaan Persekutuan seperti mana yang termaktub dalam Perkara 4 (1) Perlembagaan. Namun begitu dalam Perkara 3 (1) memperuntukkan bahawa Islam adalah agama Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Islam sebagai agama Persekutuan telah ditafsirkan dengan pelbagai tafsiran oleh ahli akademik dan juga keputusan mahkamah (Mohammad Hashim Kamali, 2000).

Perlembagaan membenarkan setiap orang untuk menganut dan mengamalkan agama masing-masing dan memperuntukkan larangan penyebaran agama selain Islam kepada orang Islam (Per (11) Perlembagaan Persekutuan). Ini menunjukkan secara umumnya, Perlembagaan Malaysia meletakkan hak kebebasan beragama. Namun demikian, hak ini ditafsirkan sesetengah pihak sebagai mutlak dan sesiapa sahaja berhak menukar agamanya pada bila-bila masa. Ia seolah-olah menjadi satu lesen besar kepada konsep kebebasan beragama yang mutlak di Malaysia. (Abdul Aziz Bari, 2003). Pentafsiran ini adalah tidak tepat kerana setiap individu yang telah menganut sebarang agama adalah terikat dan berkewajipan dengan peraturan agamanya. Hak beragama ini bukanlah bersifat mutlak bahkan ianya adalah berdasarkan perinsip agama masing-masing (Zulkifli Hasan dan Norfadhilah Mohd Ali, 2007)

Banyak kes-kes pengisytiharan keluar agama Islam dilaporkan berdasarkan kepada Perkara 11 (1) ini walau pun tafsirannya kepada orang yang menganut agama Islam adalah mereka bebas untuk mempraktikkan agamanya iaitu Islam dan tidak bebas keluar dari agama Islam itu sendiri kerana tertakluk kepada undang-undang jenayah Islam negeri-negeri di

Malaysia.(Mohd Azam Mohamed Adil,2005). Dalam isu berkaitan tafsiran hak kebebasan beragama dalam per 11 Perlembagaan Persekutuan dan hak orang-orang Islam untuk murtad, Hakim Faiza dalam kes *Lina Joy* [2004] 2 MLJ 119, memutuskan bahawa kedudukan Islam dalam Perlembagaan Islam harus diambil kira dalam mentafsir hak kebebasan beragama dan aplikasinya terhadap orang Islam. (Shamrahayu A. Aziz. 2007)

Pindaan Perlembagaan Persekutuan melalui pindaan yang berkuat kuasa pada 10 Jun 1988 dengan memasukkan Fasal (1A) Perkara 121 telah mengelakkan percanggahan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Dalam konteks perisytiharan status agama ini juga, Mahkamah Sivil tetap menghormati kes-kes yang sepatutnya dipohon di Mahkamah Syariah tetapi berlaku sebaliknya dengan memberi keputusan yang selari mengikut konteks undang-undang Islam. (Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd Hisham Mohd Kamal dan Farid Sufian Shuaib, 2007). Dalam banyak kes yang diputuskan sebelum ini seperti kes *Soon Singh* [1999] 1 MLJ 489 dan *Dalip Kaur* [1992] 1 MLJ 1, Mahkamah Sivil sendiri memutuskan bahawa mahkamah tersebut tidak mempunyai bidang kuasa dalam permohonan murtad. Mahkamah Syariah sahaja yang diberi kuasa untuk menentukan sama ada seseorang itu masih beragama Islam atau sebaliknya. (Mohd Azam Mohd Adil. 2007)

Dalam membincangkan implikasi perundangan yang berkaitan dengan pertukaran status agama atau murtad ini, tidak terdapat undang-undang yang jelas mengenai murtad termasuk hukumannya. Ini berikutan bidang kuasa jenayah Mahkamah-mahkamah Syariah di peringkat negeri hanyalah merangkumi hukuman maksima 3 tahun penjara atau 6 sebatan atau RM5000 denda atau kombinasi mana-mana hukuman (Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) Pindaan 1984) dan hanya boleh dikuatkuasakan kepada orang Islam sahaja. Tiada peruntukan kesalahan murtad dalam enakmen kesalahan jenayah syariah. Namun, terdapat peruntukan kesalahan percubaan keluar agama Islam di beberapa buah negeri (seksyen 66, Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka), 1991, seksyen 63, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995).

BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH DALAM PENGESAHAN STATUS AGAMA

Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa mendengar permohonan status agama seseorang berdasarkan peruntukan dalam enakmen pentadbiran agama Islam peringkat negeri. Ia diperuntukkan melalui bidang kuasa mal Mahkamah Tinggi Syariah dalam dua bidang kuasa iaitu mengisytihar status agama orang yang masih hidup dan mengisytihar status agama seseorang pada masa kematiannya. Contohnya, seksyen 61 (3)(b)(x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor 2003) memperuntukkan:

Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah:

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan:

(x) pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam.

(xi) pengisytiharan bahawa seseorang yang telah mati itu ialah seorang Islam atau sebaliknya pada masa kematiannya.

Jadual di bawah menunjukkan bidang kuasa Mahkamah Syariah negeri-negeri dalam mengesahkan status agama seseorang semasa hidup atau selepas kematian:

Bil	Statut Negeri	Mengisytihar seseorang itu bukan Islam	Mengisytihar status agama pada masa kematian
1	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006	ss 61(3)(b)(x)	ss 61(3)(b)(xi)
2	Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah) 2008	ss 13(3)(b)(x)	ss 13(3)(b)(xi)
3	Enakmen Pentadbiran Agama Islam(Pulau Pinang) 2004	ss 61(3)(b)(x)	ss 61(3)(b)(xi)
4	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004	ss 50(3)(b)(x)	ss 50 (3)(b)(xi)
5	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003	ss 61(3)(b)(x)	ss 61(3)(b)(xi)
6	Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pahang 1991 (Pindaan 2001)	-	-
7	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003	ss 61(3)(b)(x)	ss 61(3)(b)(xi)
8	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Melaka) 2002	ss 49 (3)(b)(x)	ss 49 (3)(b)(xi)
9	Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993	-	-

10	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003	ss 61(3)(b)(x)	ss 61(3)(b)(xi)
11	Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994	ss102	
12	Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001	ss 11(3)(b)(x)	ss 11(3)(b)(xi)
13	Enakmen Mahkamah Syariah Sabah 2004	-	ss 11 (3)(b)(x)
14	Ordinan Mahkamah Syariah Sarawak 2001	-	-

Sumber: Portal E Syariah. 25hb Septemberr 2014

Berdasarkan peruntukan tersebut, bidang kuasa yang diberi kepada Mahkamah Syariah bukanlah untuk menentukan kesalahan murtad dan menjatuhkan hukuman murtad. Ini kerana tidak terdapat peruntukan khusus mengenai kesalahan murtad yang dikuatkuasakan di Malaysia. Undang-undang sedia ada yang telah dilaksanakan bukanlah melibatkan kesalahan murtad tetapi merujuk kepada kesalahan percubaan keluar agama Islam dalam bentuk penghinaan agama Islam (Mahmood Zuhdi Ab. Majid, 2001). Penggunaan istilah permohonan murtad juga tidak digunakan di dalam mana-mana enakmen negeri. Kebanyakannya menggunakan istilah permohonan perisytiharan status agama.(Zulkefli Hasan dan Norfadhilah Mohd Ali, 2007).

ALASAN-ALASAN PERMOHONAN STATUS AGAMA DI MAHKAMAH SYARIAH

Penentuan status agama amat perlu sekiranya berlaku situasi-situasi seperti jika seseorang didapati bukan Islam dan tidak pernah mengamalkan ajaran Islam tetapi terdapat bukti dokumen menunjukkan Islam (kad pengenalan berstatus agama Islam), pemeluk Islam yang tidak diiktiraf atau tidak didaftarkan, kekeliruan mengenai status agamanya pada masa kematian dan sebagainya yang tidak bertentangan dengan hukum syarak, maka seseorang itu berhak mengemukakan permohonan ke Mahkamah Syariah bagi mendapatkan pengisytiharan bahawa dia sebenarnya bukan Islam atau tidak lagi disifatkan sebagai orang Islam (Penghakiman Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Seremban dalam kes *Permohonan Murtad Rashidah Moideen*, 2010)

Berikut adalah antara alasan-alasan yang digunakan dalam permohonan status agama di Mahkamah Syariah berdasarkan data di Mahkamah Tinggi Syariah Sabah dan Mahkamah Tinggi

Syariah Negeri Sembilan. (Temubual bersama Tuan Tawfiq Ali, Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Sabah pada 29 Mei 2014) dan sorotan terhadap kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Syariah.

1. Tiada rekod pengesahan status agama

Rekod status agama ini adalah satu bentuk data yang menyimpan segala maklumat berkenaan kemasukan agama Islam oleh seseorang individu Muslim. Sekiranya tiada rekod status agama, individu berkenaan boleh mengemukakan permohonan ke Mahkamah Syariah untuk mengisytiharkan status agamanya. Tanpa rekod yang melibatkan status agama seseorang, ianya akan menyukarkan kepada pihak yang terlibat untuk memastikan status agama seseorang itu adalah berstatus agama Islam yang sah dan telah melalui prosedur yang betul. Masalah ini adalah disebabkan tindakan kedua ibu bapa yang tidak mendaftarkan sijil kelahiran anak dan tidak mendapatkan pengesahan status agama yang mereka anuti secara segera selepas anak itu dilahirkan. Sekiranya didapati tidak ada rekod yang sah dan bukti-bukti yang menunjukkan ketiadaan rekod mengenainya, maka permohonan seseorang untuk mengisytiharkan dirinya sebagai seorang yang bukan beragama Islam adalah diterima berdasarkan kepada agama yang dianuti oleh kedua ibu bapa pemohon yang bukan beragama Islam.

2. Ibu bapa memeluk agama Islam selepas anak (pemohon) dilahirkan

Pemohon beranggapan bahawa kedua ibu bapanya adalah bukan berasal daripada agama Islam sebelum pemohon dilahirkan. Dalam hal sedemikian, pemohon yang merupakan anak kepada kedua ibu bapa tersebut akan mengikuti agama asal yang dianuti oleh mereka. Sekiranya pemohon membuat permohonan untuk pengesahan status agama sebagai seorang yang bukan beragama Islam, maka diputuskan bahawa permohonan itu akan ditolak. Ini adalah berdasarkan kepada pemeluk Islam yang dilakukan oleh kedua ibu bapa pemohon selepas pemohon itu dilahirkan dan jelas menunjukkan bahawa agama bagi pemohon itu tadi akan mengikuti agama kedua ibu bapanya yang beragama Islam secara sah dan berdaftar menurut undang-undang.

3. Pemohon adalah anak hasil daripada perkahwinan di antara pasangan yang beragama Islam dan bukan Islam.

Wujudnya satu perkahwinan yang melibatkan pasangan yang bukan beragama Islam dan beragama Islam serta mempunyai anak. Menurut Perkara 12 (4) Perlembagaan Persekutuan, status agama anak di bawah umur 18 tahun akan ditentukan oleh penjaga atau kedua ibu bapanya. Mahkamah akan meluluskan permohonan pengesahan status anak yang bukan beragama Islam sekiranya pemohon telah mendaftarkan dirinya sebagai seorang yang bukan beragama Islam di Jabatan Agama Islam sebagai rekod pengesahan. Rekod tersebut akan dihantar kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk menentukan status agama pemohon di dalam kad pengenalan yang berstatus bukan beragama Islam secara sah. Dan sekiranya penjaga atau kedua ibu bapanya telah mendaftarkan status agama anak sebagai agama Islam, maka anak itu tadi tidak boleh memohon untuk menukar agama Islam.

4. Pemeluk Islam tidak mengikut prosedur undang-undang atau tidak diketahui oleh waris.

Terdapat kes-kes pemeluk Islam yang tidak mengikut kepada prosedur undang-undang yang sah. Ianya melibatkan beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab dalam menguruskan dan mengendalikan kemasukan mereka dalam agama Islam mengikut prosedur undang-undang yang telah ditetapkan. Sekiranya pemeluk Islam dalam kalangan mereka adalah tidak sah, maka mahkamah boleh memutuskan bahawa mereka adalah bukan beragama Islam kerana tidak ada sebarang rekod pengesahan yang didaftarkan oleh mereka kepada Jabatan Agama Islam bagi permohonan untuk memeluk agama Islam. Begitu juga dengan kes kemasukan Islam yang tidak diketahui waris dan berlakunya kematian sehingga menimbulkan kekeliruan dari segi identiti dan status agama si mati seperti dalam kes *Mohamad b. Abdullah* dan kes *Nyonya Tahir*.

5. Perceraian di antara suami dan isteri

Apabila perceraian telah difailkan di mahkamah dari kedua-dua pasangan tersebut, salah seorang daripada pasangan yang telah memeluk agama Islam (muallaf) akan membuat satu permohonan untuk keluar agama Islam dan kembali kepada agama asalnya iaitu agama kafir atas alasan pasangan itu tadi telah bercerai dan tidak mempunyai apa-apa ikatan yang sah terhadap pasangan yang satu lagi. Mahkamah akan memutuskan bahawa permohonan pemohon itu tadi ditolak. Ini menunjukkan bahawa pemohon tersebut tidak mempunyai alasan yang kukuh dan munasabah

selain daripada menyatakan bahawa pemohon tidak mempunyai apa-apa ikatan terhadap pasangan sebelah pihak. Apabila seseorang itu telah memeluk Islam, tidak ada peruntukkan undang-undang yang boleh meluluskan permohonan tersebut atas dasar perceraian dengan pasangan yang beragama Islam. Walau bagaimanapun, oleh kerana tiada undang-undang yang jelas di Pulau Pinang, Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang memutuskan bahawa pemohon dalam kes kes *Permohonan Fatimah Tan bt Abdullah* [2009] JH 27/II diisytiharkan sebagai seorang yang bukan Islam setelah berpuas hati bahawa pemohon tidak lagi mengamalkan ajaran Islam sejak memeluk Islam pada 25 Julai 1998. Pemohon telah bercerai dengan suaminya yang beragama Islam.

6. Kekeliruan status agama

Dalam kes *Mohd Shah @ Gilbert Freeman* [MTS Seremban kes mal no 05100-099-0020-2009], mahkamah memutuskan bahawa pemohon diisytiharkan sebagai seorang yang bukan Islam setelah berpuas hati dia tidak pernah mengamalkan ajaran agama Islam dan tidak pernah mengenali Islam. Dalam kes tersebut, pemohon mengemukakan permohonan perisytiharan status agamanya kerana berlaku kekeliruan mengenai status keturunan dan agama pemohon akibat daripada nama pemohon yang tertera sebagai Mohammad Shah @ Gilbert Freeman dalam kad pengenalannya.

7. Permohonan Keluar Islam

Hanya Mahkamah Syariah sahaja yang boleh mengeluarkan perisytiharan keluar Islam. Dalam kes *Rashidah Moideen* [MTS Seremban, kes mal bil 05100-043-0065-2007], dia mengemukakan permohonan keluar Islam dengan mengemukakan bukti dan keinginan untuk murtad.

PENDEKATAN MAHKAMAH DALAM KES-KES PERMOHONAN STATUS AGAMA

Bagi menyelesaikan kes-kes permohonan status agama, Mahkamah Syariah telah menggunakan pelbagai pendekatan yang dibuat berdasarkan fakta kes dan alasan-alasan permohonan. Ini kerana tidak ada undang-undang yang jelas mengenai pendekatan yang sewajarnya digunakan oleh Mahkamah Syariah kecuali di beberapa buah negeri seperti Negeri Sembilan, Sabah dan

Melaka. Hasil kajian mendapati pendekatan yang digunakan oleh Mahkamah Syariah di antaranya ialah:

1. Menolak permohonan keluar Islam.

Secara amnya, apabila permohonan yang dibuat itu melibatkan orang yang berasal daripada agama Islam sejak dilahirkan dan mengikut agama kedua ibu bapanya tidak akan diterima secara langsung oleh Mahkamah Tinggi Syariah. Walaupun pada hakikatnya mereka tidak lagi mengamalkan ajaran sebagai seorang yang beragama Islam, akan tetapi dari segi undang-undang ianya tidak akan memberi peluang dan ruang untuk membenarkan permohonan tersebut diluluskan. Ini menunjukkan bahawa untuk memohon keluar agama Islam ini bukanlah suatu perkara yang mudah. Bahkan ianya menegaskan bahawa agama Islam bukanlah suatu agama yang boleh dipermain-mainkan secara sesuka hati tanpa ada sebab-musabab yang boleh membenarkan permohonan tersebut. Dalam kes *Permohonan Rashidah Moideen*, [kes mal bil 05100-043-0065-2007) Mahkamah Tinggi Syariah Seremban telah menolak permohonan pemohon untuk mengisytiharkan dirinya keluar dari Islam kerana tidak menepati hukum syarak dan menyalahi undang-undang. Begitu juga dalam kes *Doloren bt. Madras lwn. Majlis Ugama Islam Sabah* [MTS Sabah, kes mal bil 12100-009-0032-2013] dan kes *Lilyana bt. Libat lwn. Ketua Pengarah JPN dan Ketua Pendaftar Mualaf Sabah* [MTS Sabah, kes mal bil 12100-009-0033-2013].

2. Mengisytiharkan status agama.

Dalam kes-kes yang melibatkan penentuan status agama mualaf yang baru memeluk Islam (*revert*) menukar semula ke agama asal atau agama lain (*convert*), Mahkamah Syariah memutuskan untuk mengisytihar seseorang itu bukan lagi beragama Islam sekiranya cukup pembuktian sama ada dari segi perkataan, perbuatan atau niat pemohon sendiri. Inilah yang diputuskan dalam kes *Permohonan Mohd Shah @ Gilbert Freeman* [MTS Seremban kes mal no 05100-099-0020-2009] dan Fatimah Tan [2009 JH 27/II, bahawa mereka bukan beragama Islam.

3. Perintah kaunseling atau runding cara akidah bagi tujuan bertaubat atau *istitabah*.

Tidak semua negeri memperuntukkan perintah kaunseling atau runding cara akidah dalam undang-undang atau amalan pengendalian permohonan status agama. Negeri Sembilan memperuntukkan prosedur yang jelas dalam permohonan periystiharan keluar agama. Berdasarkan seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, mahkamah boleh memerintahkan pemohon menjalani proses kaunseling dan bimbingan akidah bagi tempoh sehingga setahun secara sukarela tanpa melibatkan proses tahanan. Tujuan kaunseling tersebut adalah untuk mengenal pasti sebab-sebab pemohon mahu keluar daripada agama Islam dan memberi bimbingan akidah yang berterusan khususnya kepada mualaf yang bermasalah. Tetapi seandainya setelah melalui sesi kaunseling tersebut, dan pemohon masih berdegil untuk keluar dari agama Islam, maka mahkamah terpaksa mengisytiharkan bahawa pemohon bukan seorang Islam. Ada juga kes mahkamah menolak permohonan menukar agama setelah menerima laporan kaunseling daripada Pegawai Pembimbing Akidah. Dalam kes *Rashidah Moideen*, mahkamah menolak permohonan keluar agama Islam daripada pemohon setelah berpuas hati dengan laporan Pegawai yang mengendalikan sesi runding cara akidah sebanyak 10 kali yang mendapati pemohon mempunyai kefahaman yang baik dan jelas tentang Islam.

4. Tahanan di Pusat Pemulihan Akidah.

Kelantan (seksyen 102 Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994) dan Melaka memperuntukkan proses runding cara dalam bentuk tahanan dengan perintah Mahkamah Syariah minima enam bulan (Melaka) dan sehingga 36 bulan (Kelantan) di Pusat Bimbingan Akidah (PPA) yang diwartakan. Setakat ini terdapat dua pusat bimbingan akidah yang telah diwujudkan di Negara ini iaitu Pusat Pemulihan Akidah di Jelebu, Negeri Sembilan dan Pusat Pemulihan Akidah Baitul Iman di Ulu Yam Bharu, Selangor. Pusat Pemulihan Akidah Jelebu terletak di bawah pentadbiran JAKIM manakala Pusat Pemulihan Akidah Baitul Iman di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Fungsi kedua-dua PPA adalah berbeza. PPA Jelebu menerima pelatih secara sukarela di samping menganjurkan kursus dan latihan kepada individu serta agensi yang ingin mengikuti kursus berkaitan akidah. Sementara PPA Baitul Iman pula menjadi pusat tahanan kepada pesalah yang diperintahkan oleh Mahkamah

Syariah bagi menjalani hukuman kerana melakukan kesalahan yang berhubungan dengan akidah sama ada di Selangor atau negeri lain. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama ia turut menempatkan kes-kes sukarela setelah mendapat kebenaran Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

5. Bukan satu kesalahan atau tiada peruntukan secara jelas dalam undang-undang mengenai runding cara akidah atau tahanan bagi tujuan bertaubat.

Bagi negeri-negeri lain seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan dan Sarawak, tiada peruntukan kaunseling, runding cara akidah atau tahanan di pusat pemulihan akidah sebagai satu prosedural dalam undang-undang yang diperuntukkan. (Amir Husin et.al, 2010). Penyelesaian kes-kes permohonan status agama dan permohonan keluar Islam negeri-negeri tersebut adalah berdasarkan kepada kes dan budi bicara hakim tanpa ada satu rujukan bertulis yang jelas sebagai panduan dan prosedur.

RUMUSAN

Kesimpulannya, semua Mahkamah Syariah di Malaysia mempunyai bidang kuasa mengisytihar dan mengesahkan status agama seseorang sama ada semasa hidupnya atau selepas kematiannya. Walau bagaimanapun, tiada satu kaedah dan prosedur yang jelas dan seragam mengenai pendekatan yang sewajarnya digunakan oleh Mahkamah bagi menyelesaikan kes-kes permohonan status agama ini. Oleh itu, penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi memastikan pengendalian kes-kes permohonan status agama dan perisytiharan keluar agama memenuhi kehendak undang-undang dan selaras dengan kehendak hukum syarak:

1. Keperluan kepada prosedur pengesahan status agama yang lebih jelas dan seragam di peringkat negeri.
2. Prosedur runding cara akidah bagi tujuan pemulihan akidah dengan perintah mahkamah khususnya bagi kes-kes permohonan keluar agama.
3. Penambahan pusat pemulihan akidah di setiap negeri dan modul pelaksanaan pemulihan digubal oleh satu jawatankuasa yang bertanggungjawab khusus dalam pencegahan penyelewengan akidah dengan bermatlamatkan untuk memelihara dan mempertahankan akidah umat Islam.

RUJUKAN

- Farahwahida Mohd Yusof et. al. 2012. *Faktor dan Cabaran Pertukaran Agama dalam Kalangan Masyarakat Melayu-Islam di Malaysia*. Jurnal Teknologi.
- Mohamad Hashim Kamali. 2000. *Islamic Law in Malaysia, Issues and Developments*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers
- Mahmood Zuhdi A. Majid. 2001. *Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zulkifli Hasan dan Norfahdhilah Mohd Ali. 2007. *Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia*. Kertas Kerja dibentang pada Diskusi Syariah dan Undang-undang. USIM. 17 Januari
- Amir Husin Mohd Nor.et.al. 2010. *Permohonan dan Perisytiharan Keluar Islam: Pendirian Mahkamah di Malaysia dalam Kesalahan Jenayah Aqidah Menurut Kerangka Perundangan di Malaysia*. Bangi: UKM
- Mohd Azam Mohamed Adil. *Jangan Pinggirkan Kuasa Sebenar Mahkamah Syariah*. *Utusan Malaysia*. 31 Mei 2007
- Ahmad Hidayat Buang ed. 2005. *Kebebasan Beragama dan Hukuman Ke atas Orang Murtad di Malaysia dalam Mahkamah Syariah di Malaysia Pencapaian dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit UM
- Mohammad Hashim Kamali 2000 *Islamic Law in Malaysia, Issues and Developments* Kuala Lumpur, Ilmiah Publishers.
- Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd Hisham Mohd Kamal dan Farid Sufian Shuaib, 2007 *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosli Mokhtar dan Mohd Fikri Che Hussain 2008, *Undang-Undang Jenayah Islam*, Johor Darul Takzim: Jahabersa
- Abdul Aziz Bari, 2003, *Perlembagaan Malaysia: Asas-asas dan Masalah*, Kuala Lumpur: DBP
- Shamrahayu A. Aziz, 2007, *Isu-isu berkaitan Kebebasan Beragama dan Murtad: Satu Sorotan*

Perlebagaan, *Jurnal Syariah dan Perundangan*. Bil. 1. Bangi: Penerbit KUIS.

Siti Zubaidah Ismai, 2000, Pertindihan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah: Sorotan terhadap Kes-kes Murdad, *Jurnal Undang-undang*, Bil 4. No. 2